

UMP, Universiti Hassan II Casablanca jalin kerjasama

Sinar Harian (Jantung) Selasa 16/10/18 11:19

KUANTAN- Universiti Malaysia Pahang (UMP) memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Universiti Hassan II Casablanca yang terkenal dengan sekolah kejuruteraannya.

Kerjasama yang dimenterai melibatkan bidang penyelidikan, program pertukaran staf akademik dan pelajar, program dwijazah serta perkongsian pintar yang dapat dimanfaatkan bersama.

Naib Canselor Profesor Datuk Seri Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, kerjasama bersama Universiti Hassan II Casablanca satu peluang keemasan terutamanya dalam bidang kejuruteraan mekanikal dan pembuatan.

Menurutnya, langkah itu dilihat seiring dengan status UMP yang tersenarai antara 300 universiti terbaik bagi penarafan QSWorld University Rankings bagi subjek berkenaan selain program sains, sumber semula jadi dan tenaga boleh diperbaharui.

"Selain itu, antara aspek yang berpotensi dalam kerjasama tersebut dalam bidang perniagaan

dan pengurusan kerana universiti berkenaan memiliki sekolah perdagangan dan pengurusan terbaik.

"MoU ini membuka peluang kepada UMP untuk meneroka kerjasama dalam bidang kejuruteraan perniagaan seperti yang telah dijalankan dengan pihak University of Reutlingen, Jerman," katanya.

Pada MoU yang berlangsung di Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO), Rabat, Morocco itu, beliau mewakili UMP manakala Universiti Hassan II Casablanca diwakili Presidennya Idriss Mansouri disaksikan Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik dan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Datin Paduka Ir Dr Siti Hamisah Tapsir.

Turut hadir, Pengarah Pejabat Antarabangsa, Dr Nik Aloesnita Nik Mohd Alwi.

Dr Daing Nasir berkata, universiti terkenal itu mempunyai lebih 100,000 pelajar yang sebahagian mereka mengikuti pembelajaran jarak jauh sama



Dr Daing Nasir dan Idriss Mansouri menandatangani MoU disaksikan, Dr Maszlee (berdiri, tiga kiri) dan Ir Dr Siti Hamisah Tapsir di Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO), Rabat.

seperti yang dilaksanakan pihak UMP Advanced Education melalui program pembelajaran sepanjang hayat.

Justeru, UMP juga komited untuk mengembangkan pembelajaran dan pengajarannya dalam paradigma abad ke-21 melalui Pusat Sumber Pengajaran dan e-Pembelajaran (CIReL) yang

menawarkan pengajian secara dalam talian melalui inisiatif Kuliah Pembelajaran Global (Global Classroom).

"Malahan UMP kini telah menyertai rangkaian global bagi Online International Learning kelolaan Suny-Coil Network yang berpangkalan di New York, Amerika Syarikat," katanya.